


TAKLIMAT TATTERTIB KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN JKR KLUANG, JOHOR



Unit tatatertib telah dijemput oleh JKR Kluang, Johor bagi memberi taklimat dan isu-isu berkaitan tatatertib dan isu-isu disiplin dan tatakelakuan kakitangan awam pada 1 November 2017. Taklimat tersebut telah dijayakan oleh Ketua Unit Tatatertib, Bahagian Integriti, JKR Malaysia dan dibantu oleh pegawai-pegawai.





CARTA ALIR PROSES TINDAKAN TATATERIB

JKR
MALAYSIA

Sebarang isu/masalah berkaitan tatatertib yang melibatkan warga JKR sila hubungi :

Unit Tatatertib
Bahagian Integriti
Cawangan Dasar Dan Pengurusan korporat

Tingkat 32,
Menara Kerja Raya (Blok G)
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03 2618 8615/8616/8738
No Fax : 03-2618 8708
Email : integriti.jkr@1govuc.gov.my

IKRAR BEBAS RASUAH

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) adalah merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri, Tan Sri Dzulkifli Ahmad. IBR ini memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut. Keterbukaan dan sifat kebertanggungjawaban yang dipamerkan oleh para kepimpinan dan warganya dalam menandatangani Ikrar Bebas Rasuah ini juga, turut membuktikan bahawa usaha membanteras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksekutif SPRM semata-mata, tetapi sebaliknya ianya merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat, khususnya di kalangan warga yang berkhidmat di agensi-agensi kerajaan, bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Pelaksanaan IBR

- Ikrar oleh individu
- Disaksikan oleh SPRM
- Lafaz ikrar agar tidak sesekali terlibat dengan perbuatan rasuah
- Dokumen ikrar ditandatangan

Signifikan Perlaksanaan IBR

- Menjadi amaran dan peringatan kepada individu agar menjauhi rasuah:
- Jaminan pimpinan organisasi kepada warganya, pemegang taruh dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah:
- Penzahiran akuanji kepada komitmen individu dalam pembanterasan rasuah:
- Sebagai bukti bahawa organisasi telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah.

Pelaksanaan IBR Di JKR

Tarikh	Organisasi
18 April 2017	Pengurusan Atasan Kementerian Kerja Raya dan Pengurusan Atasan JKR
18 Mei 2017	JKR Negeri Sembilan
20 Julai 2017	JKR Negeri Pahang
7 Ogos 2017	JKR Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
2 November 2017	JKR Unit Tentera Negeri Sembilan
21 Disember 2017	JKR Negeri Kedah
14 Disember 2017	JKR Daerah Temerloh
25 Januari 2017	JKR Daerah Jerantut
25 Februari 2017	JKR Negeri Terengganu



1

PELAKSANAAN KURSUS LESSONS LEARNED

LESSONS LEARNED



- 1 LEADERSHIP DIRECTION
- 2 STRATEGY READINESS
- 3 INCREASE AWARENESS LEVEL

**2**

MENYELARAS MAKLUMBALAS LKAN 2016 SIRI 1 DAN SIRI 2

**3**

MENYELARAS PELAN PEMULIHAN TEGURAN BERULANG LKAN

**4**

MENYELARAS MAKLUMBALAS AUDIT DALAM OLEH UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

**KURSUS LESSONS LEARNED 2017**

Seksyen LKAN/Audit Dalam dan Seksyen Siasatan(Projek), Bahagian Integriti telah berjaya menganjurkan Kursus Lessons Learnt bagi Sesi 1 pada 12-14 April 2017 dan Sesi 2 pada 9-10 Oktober 2017. Kursus tersebut diadakan di CREaTE, Melaka dengan menggunakan peruntukan POL 2017. Kursus Lessons Learnt Sesi 1 ini telah dihadiri oleh 50 peserta yang terdiri daripada pegawai JKR dari gred J17 sehingga J44. Manakala bagi Kursus Lessons Learnt Sesi 2 telah dihadiri oleh 50 peserta yang terdiri dari pegawai P&P J48 sehingga J54. Kursus ini telah dirasmikan oleh Ketua Bahagian Integriti, Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat.

Peserta-peserta kursus ditekankan kepada hal-hal berkaitan Lessons Learnt yang merangkumi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia(SPRM), Teguran Ketua Audit Negara, kajian isu berulang LKAN, Tindakan Pemulihan terhadap Teguran Berulang LKAN, Tindakan Pengesanan dan Punitif berkaitan LKAN, Teguran daripada Ketua Audit Dalam (KKR), dan Kajian Kes LKAN 2016.



MENYELARAS MAKLUMBALAS LKAN 2016 SIRI 1 DAN SIRI 2

Seksyen LKAN/Audit Dalam dan Seksyen Siasatan(Pejak) Bahagian Integriti bertanggungjawab dalam menyelaras maklumbalas bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tahun 2016 untuk Siri 1 dan Siri 2. LKAN 2016 Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017 manakala sesi *Town Hall* bersama media diadakan pada 3 Ogos 2017. Antara projek yang terlibat untuk LKAN 2016 Siri 1:

- 1.) Projek Pembinaan Hospital Bera, Pahang
- 2.) Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor
- 3.) Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang di Bandar Rawang
- 4.) Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.




Manakala, bagi LKAN 2016 Siri 2 telah dibentangkan di Parlimen pada 27 November 2017 oleh Ketua Audit Negara. Antara projek yang terlibat untuk LKAN 2016 Siri 2:

- 1.) Projek Pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Tanah Merah
- 2.) Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 Dari Sabak Bernam Ke Hutan Melintang
- 3.) Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh Ke Bandar Melaka (Persimpangan Peringgit Dan Persimpangan MITC)
- 4.) Projek Pembangunan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan [*Crops For The Future Research Centre (CFFRC)*]
- 5.) Projek Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat Helikoptar EC725 Di Pangkalan Udara TUDM Kuantan, Pahang
- 6.) Projek Naik Taraf Jeti Dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ Dan Jeti Baru Di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah.



MENYELARAS MAKLUMBALAS PELAN PEMULIHAN TEGURAN BERULANG

Bagi memastikan isu teguran berulang LKAN tidak menjajaskan imej Jabatan, pihak CPAB telah merangka cadangan Pelan Pemulihan Terhadap Teguran Isu Berulang LKAN bagi Projek JKR. Kertas cadangan pelan pemulihan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pengurusan (JPP) Bil.8 Tahun 2016 pada 10 Ogos 2016 dan Mesyuarat JPP telah meluluskan Cadangan Pelan Pemulihan tersebut untuk dilaksanakan oleh Jabatan. Bahagian Integriti, CDPK dalam proses mengumpul maklumat dan maklumbalas dari cawangan dan negeri sebelum dianalisa akan keberkesanan pelan tersebut.



MENYELARAS MAKLUMBALAS AUDIT DALAM OLEH UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

Seksyen LKAN/Audit Dalam dan Seksyen Siasatan (Projek), Bahagian Integriti, CDPK bertanggungjawab dalam menyelaras maklumbalas Audit Dalam oleh Unit Audit Dalam Kementerian Kerja Raya (KKR).

Peranan Audit Dalam, KKR:

- 1.) Satu fungsi bebas yang memberi kepastian (*assurance*) dan khidmat perundingan untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi organisasi.
- 2.) Memberi kepastian dan khidmat perundingan kepada pengurusan/auditi mengenai sistem kawalan dalaman dan tadbir urus.



Maklumbalas Audit Dalam yang telah diselaraskan oleh Seksyen LKAN/Audit Dalam dan Seksyen Siasatan (Projek) akan dibawa semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) yang dipengerusi oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya. Mesyuarat tersebut diadakan 4 kali setahun. Pengurusan Atasan KKR telah menetapkan KPI KKR bagi menyelesaikan 95% isu berbangkit dalam Laporan Audit Dalam dalam tempoh 6 bulan selepas ianya dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) KKR.

Jangan Mengelat!

Peraturan 23, Peraturan - Peraturan Pegawai Awam Kelakuan & Tata tertib 1993 Pindaan 2002	-Tidak Hadir Bertugas Tanpa Cuti -Tanpa Sebab Munasabah -Tanpa Kebenaran
Pemerintah Am Bab G, Waktu Bekerja & Lebihan Masa 1974	Berada di tempat awam pada waktu bekerja (Contoh: Kafeteria/Tempat Membeli Belah)
Jauhi perkara-perkara yang menjejaskan INTEGRITI anda sebagai Penjawat Awam. Kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan ialah satu kesalahan.	Keluar Pada Waktu Pejabat Tanpa Kebebanan Penyelia / Ketua Jabatan Lewat Masuk Pejabat / Keluar Awal Dari Waktu Yang Ditetapkan

ADUAN INTEGRITI

SALURAN ADUAN

Tel: 03 - 2618 8615/8739/8724
email: integriti.jkr@1govuc.gov.my



MAKLUMAT ADUAN

Pastikan aduan anda tidak terlalu umum dan mempunyai maklumat yang berikut:

- Siapa
- Dimana
- Bila
- Bagaimana
- Apa yang berlaku
- Kenapa dilakukan



MAKLUMAT PENGADU

Bal turut menerima maklumat dari pemberi maklumat yang tidak kenal, tetapi adalah lebih baik sekiranya kami dapat menghubungi anda semua bagi membantu kami bertindak dengan cepat dan lancar.

Segala aduan adalah rahsia & pemberi maklumat tidak didedahkan.



MAKLUMAT LANJUT

Rujuk polisi **WHISTLEBLOWING JKR** untuk maklumat lanjut & sila hubungi:



Ir. Dr. HANNERITA BINTI MOHD ZAINAL
Ketua Bahagian Integriti
Pengurus Integriti
Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat
Tingkat 32, Menara Kerja Raya (Blok G)
Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur
Tel : 03 2618 8615
Email : hannerita.jkr@1govuc.gov.my

“Saying NO”

SETTING YOUR ETHICAL TOLERANCE-PERSONAL STANDARDS

Knowing between right and wrong is an essential foundation for practicing good ethics and morals.

Our conscience is a kind of moral or ethical road map. It is our internal benchmark for determining the rightness or otherwise of our behaviour. Our conscience is formed very early in life, first by our parents, secondly by our religion, third by the prevailing culture of the society which we live in, fourth by our school teachers and other lifetime influences and experiences. Breaches our integrity standards can very easily become addictive-do it once, get away with it and you'll probably do it again as your moral standards are crooked! Only you can decide what standard you wish to subscribe to.

It has been assumed that:

- You know that corruption is morally and legally wrong
- You don't want to offer bribes
- You don't like paying bribes; and
- You want to sustain your reputation for honesty, reliability and as a law abiding citizen/organization

If these things are important to you then you will say, ‘NO!’

“...Penjawat awam hendaklah sentiasa berwaspada dan cermat dalam menjalankan tugas dan bertanggungjawab serta sentiasa sedar akan akibat buruk yang menimpa sekiranya kita cuai dalam menjalankan tugas masing-masing. Segala tugas dan tanggungjawab hendaklah dilaksanakan berdasarkan undang-undang Negara dan lunas-lunas perundangan yang termaktub...”

Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

Sumber : Laporan Tahunan 2014,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

TAHUKAH ANDA?

5 STRATEGI TERAS PELAN INTEGRITI NASIONAL

1. MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS BAIK

2. MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN KUALITI PERKHIDMATAN

3. PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH, PENYELEWANGAN & SALAH GUNA KUASA

4. MEMANTAPKAN SISTEM KEADILAN & TATATERTIB

5. MEMANTAPKAN MODAL INSAN BERAKAUNTABILITI & BERINTEGRITI

“TINGKATKAN INTEGRITI, RAKYAT TIDAK SANGSI, SERLAHKAN PROFESIONALISME DIRI DAN ORGANISASI”

PUTUSKAN RANTAIAN RASUAH

PERUBAHAN BERMULA DARIPADA KITA

KATAKAN TIDAK PADA RASUAH

KESALAHAN UTAMA RASUAH

- MENERIMA RM
- MEMBERI RM
- TUNTUTAN PALSU
- SALAHGUNA KEDUDUKAN / KUASA

Sekiranya anda mempunyai maklumat mengenai sebarang perbuatan salahlaku yang menyalaikan etika / integriti melibatkan warga **JKR**, sila laporan kepada kami :

Bahagian Integriti
Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat
 Tingkat 32, Menara Kerja Raya (Blok C)
 Jalan Sultan Salahuddin
 50480 Kuala Lumpur.

No Tel : 03-2618 8615/8724/8739
 No Fax : 03-2618 8708
 Emel : integriti.jkr@1govuc.gov.my

Like Facebook : Rakan Integriti KKR



**BAHAGIAN INTEGRITI
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT**
TINGKAT 32, MENARA KERJA RAYA(BLOK G)
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR.

Tel : 03-2618 8615 | **Fax** : 03-2618 8708

Email : integriti@jkr.gov.my

Website : www.jkr.gov.my